

15/11/2000

Harakah didakwa berniat jahat

KUALA LUMPUR, Selasa - The New Straits Times Press (M) Bhd (NSTP) yang mengemukakan saman malu ke atas Presiden Pas, Datuk Fadzil Mohd Noor dan 10 pemimpin lain mendakwa lidah rasmi parti itu, Harakah berniat jahat dan mencemar nama baik syarikat itu ketika menyiarkan dua artikel, tahun lalu.

NSTP bersama Ketua Pengarang Kumpulannya ketika itu, Datuk Abdul Kadir Jasin memfailkan saman itu pada 8 Februari lalu terhadap Fadzil; Menteri Besar Terengganu, Abdul Hadi Awang; Naib Pengerusi, Hassan Shukri; Ahli Dewan Undangan Negeri Panir, Harun Taib.

Ahli Parlimen Pokok Sena, Mahfuz Omar; Ketua Dewan Muslimat, Jamilah Ibrahim; Setiausaha Agung, Nasharudin Mat Isa; Timbalan Menteri Besar Kelantan, Abdul Halim Abdul Rahman; Ahli Exco, Omar Muhammad; Ketua Pengarang Harakah, Mustafa Ali; pencetak, Syarikat Prema dan pemegang permit Harakah, Abdul Halim Arshat yang dinamakan sebagai defendan.

Dalam pernyataan tuntutan, NSTP dan Abdul Kadir (plaintif) mendakwa pada 28 November 1999, akhbar Berita Minggu pada halaman pertamanya menyiarkan artikel bertajuk: Kempen pada saat-saat akhir: Jangan ikut emosi.

Plaintif mendakwa, artikel itu disiarkan bersama gambar dengan petikan ayat berbunyi, "Dr Mahathir disambut 4,000 penyokong Barisan Nasional di Majlis Pemimpin Bersama Rakyat di padang Majlis Perbandaran Kangar, semalam".

Sehubungan itu, plaintif mendakwa, Jabatan Penerangan dan Penyelidikan Pas Pusat (JPPPPP) menerbitkan artikel bertajuk: "How many Mahathirs can you spot here?" bersama sebuah gambar di halaman 21, bahagian English Harakah, keluaran 6 Disember 1999.

Plaintif mendakwa, gambar itu sama dengan gambar yang disiarkan oleh Berita Minggu, kecuali dua bulatan dilukis pada gambar itu untuk membulatkan imej dua individu tertentu.

Kata plaintif, pada 8 Disember 1999, akhbar Berita Harian menyiarkan artikel bertajuk: Bernama menafikan tuduhan Harakah disiarkan pada halaman tiganya.

Plaintif berkata, Bernama menafikan gambar yang disiarkan oleh Berita Minggu telah diubah suai dan artikel Berita Harian juga menyiarkan dua gambar secara close-up bagi membolehkan membezakan gambar Dr Mahathir dan gambar yang dakwa Harakah.

Katanya, pada 10 Disember tahun lalu, JPPPPP terus menerbitkan satu lagi artikel bertajuk: "Bernama claims picture is genuine, NSTP silent" pada halaman 22 akhbar itu.

Plaintif mendakwa, dua artikel yang disiarkan oleh Harakah itu bermaksud plaintif menerusi Berita Minggu telah mengubah suai gambar itu dan cuba memperdayakan serta menipu pembacanya.

Kata plaintif, nama baik Abdul Kadir dan kepercayaan serta keyakinan umum terhadapnya telah tercemar kerana Harakah diedar secara meluas.

Plaintif mendakwa, NSTP mengalami kerugian kerana kejatuhan jualan akhbar Berita Harian dan Berita Minggu, akibat daripada artikel yang disiarkan Harakah.

Sehubungan itu, plaintif menuntut defendan memohon maaf secara terbuka yang disiarkan oleh semua akhbar harian dan menarik balik artikel yang memfitnah mereka.

Plaintif juga menuntut ganti rugi termasuk ganti rugi teladan daripada defendan.

Dalam pembelaan yang difailkan pada 20 April lalu, defendan mendakwa

artikel itu disiarkan bagi kepentingan umum dan dengan niat baik.  
Mahkamah Tinggi belum lagi menetapkan tarikh perbicaraan.  
(END)